

18 AUG 1997

Mahathir-Sabah

PERDANA MENTERI PUAS HATI PENGURUSAN HUTAN DI SABAH

KOTA KINABALU, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa puas hati terhadap kemajuan di Sabah khususnya dalam soal berkaitan pengurusan hutan.

"Saya mendapati banyak kemajuan dicapai terutama dalam pengurusan hutan yang cara-cara yang digunakan untuk tujuan itu boleh diperluaskan kepada tempat-tempat lain," katanya.

Dr Mahathir merujuk kepada pelaksanaan kaedah pengurangan kesan dalam pembalakan di kawasan Hutan Simpan Deramakot di Sandakan yang dilawatnya Sabtu lepas sambil berkata cara itu berkesan untuk mengurangkan kerosakan akibat penebangan balak.

"Cara mengurangkan impak pengeluaran balak yang ditebang itu adalah baik dan kita boleh menggunakan cara ini," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas ke Sarawak selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Kaedah itu yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri merupakan teknik penebangan impak rendah menggunakan sistem kabel udara untuk kerja-kerja pengangkutan balak yang telah ditebang, sekaligus meminimumkan kerosakan kawasan persekitaran akibat penebangan itu.

Ketika ditanya mengenai rungutan sesetengah pihak di negeri ini mengenai wujudnya kepincangan dalam kelulusan konsesi balak di negeri ini, Perdana Menteri berkata, masalah itu memang wujud.

"Saya tidak nafi bahawa ada masalah dan ini saya akan bincang dengan Ketua Menteri (Datuk Yong Teck Lee) dan mencari jalan mengatasinya, tetapi yang jelas sudah ada kemajuan dalam pentadbiran hutan di Sabah," katanya.

Menurut Dr Mahathir: "Usaha menanam semula pokok diperhebatkan daripada dahulu dan ini pun sudah mendatangkan hasil. Sebagai contoh, Yayasan Sabah kini mendapat RM6 juta daripada penebangan di kawasan yang ditanam semula ini."

Perdana Menteri juga berkata Sabah juga membangun lebih pesat sejak kebelakangan ini khususnya di ibu negeri yang menyaksikan pertumbuhan industri hotel serta pertambahan jumlah pelancong dan penerbangan. Ini menjadi petanda kemajuan yang dicapai sejak Barisan Nasional memerintah Sabah.

"Kita nampak jelas, Kota Kinabalu umpamanya, pembangunannya begitu pesat. Di mana-mana kita lihat bangunan baru dan sekarang ini lampu terang dan kita sudah lupa tidak lama dahulu lampu jalan tidak menyala di Kota Kinabalu," katanya.

Perdana Menteri yakin kemajuan itu dapat diteruskan dengan pentadbiran yang menumpukan kepada pembangunan.

Mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah, Perdana Menteri berkata, sistem itu telah berjalan lancar.

Mengenai sama ada fasa ketiga sistem penggiliran itu yang menyaksikan pelantikan seorang Ketua Menteri dari kaum Bumiputera bukan Islam, akan dilaksanakan sebelum atau selepas pilihan raya negeri akan datang, Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat menentukannya kerana tarikh pilihan raya pun belum ditetapkan.

Mengenai pilihan raya percubaan yang dijalankan oleh BN Sabah baru-baru ini, beliau berkata, laporan telah diserahkan kepadanya tetapi perjumpaannya dengan pemimpin komponen BN Sabah semalam tidak membincangkan secara khusus keputusan pilihan raya percubaan itu.

Mengenai langkah kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin

di Sabah, beliau berkata, apa yang perlu dilakukan ialah menggalakkan penduduk tempatan melakukan kerja-kerja yang dibuat oleh rakyat asing berkenaan.

"Di Jepun umpamanya, walaupun saiz ekonominya besar tetapi pekerja di sana terdiri daripada orang Jepun sendiri kerana mereka sanggup bekerja di mana-mana sektor di negara itu," katanya. -- BERNAMA

JS FAZ